

# 'Berhenti jadi hero'

KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** – Polis tidak akan menggunakan senjata sekiranya individu hendak ditahan memberi kerjasama, mengikut arahan meletakkan senjata dan menyerah diri.

Kenyataan itu dilontarkan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar ketika mengulas tindakan pihak berkuasa menembak mati lima suspek di Pulau Pinang baru-baru ini.

Beliau juga menasihati Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waythamoorthy berhenti menjadi hero apabila mempersoalkan tindakan polis itu.

"Saya mencabar Waythamoorthy mengarahkan kesemua penjenayah yang mempunyai senjata api menyerah diri kepada polis. Jika dia mampu, polis juga tidak perlu menggunakan senjata untuk menahan penjenayah selepas ini.

"Tetapi sekiranya polis ditembak penjenayah ketika proses penahanan, apakah pihak berkuasa perlu membiarkannya kerana tindakan tersebut bukan sahaja mengancam nyawa petugas keselamatan, tetapi masya-



Wan Junaidi (dua, kiri) bersama Pegawai SISPA UTHM yang menerima piala pusingan setelah menjadi Johan Keseluruhan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA Kali Ke-4.

rakat umum," katanya selepas merasmikan Pentaulihan dan Perhimpunan Kebangsaan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia (Sispa) kali ke-4 di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), semalam.

Wan Junaidi berkata, sekiranya Waythamoorthy gagal mengarahkan penjenayah meletakkan senjata dan menyerah

diri, beliau mencadangkan senator itu berhenti daripada menjawat jawatan timbalan menteri.

"Jika dia tidak boleh mengarahkan penjenayah terbabit dan terus mengeluarkan kenyataan bertentangan dengan prinsip kerajaan yang cintakan keamanan, lebih baik dia pencer," katanya.